

08 DEC 2002

Ghani-Ekonomi

JOHOR KENAL PASTI TIGA SEKTOR MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN NEGARA

MUAR, 8 Dis (Bernama) -- Johor mengenal pasti tiga sektor ekonomi untuk dipergiatkan bagi tempoh 2003 hingga 2005 yang dijangka dapat membantu mempertahankan kadar pertumbuhan ekonomi negara di tahap tidak kurang 5.6 peratus seperti yang dicatatkan dalam suku ketiga tahun ini.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata tiga sektor itu, yang melibatkan pelaburan besar dan sedang dilaksanakan ialah sektor pengeluaran makanan, pelancongan dan perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang menjadikan Malaysia pusat logistik bagi rantau ini.

"Sektor-sektor ini memerlukan pelaburan yang besar yang sudahpun dilaksanakan ketika ini... ini satu cetusan ekonomi yang boleh berlaku dalam konteks ekonomi Johor dan negara," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka beliau di Kampung Sungai Mati dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa ekonomi Malaysia diyakini terus pulih dan tumbuh tahun depan terutama dengan beberapa strategi baru yang akan diperkenalkan untuk merangsang pertumbuhan.

Abdul Ghani berkata pelaburan di sektor pengeluaran dan pemerosesan makanan akan menjadikan Johor satu daripada negeri pengeluar bahan makanan utama di Malaysia.

Antara projek utama sektor itu yang sedang dilaksanakan ialah perluasan projek ladang pertanian moden bersepadu seluas 10,000 hektar di Air Hitam dan Kluang serta projek pembangunan zon tanaman makanan di seluruh negeri.

Bagi sektor pelancongan pula, Menteri Besar berkata sempena program Melawat Johor Tahun 2003, pelbagai promosi dijalankan di dalam dan luar negara bagi menarik pelancong tempatan dan asing ke negeri ini, yang disasarkan seramai tiga juta orang tahun depan.

"Kita juga sedang membangunkan satu sektor baru dalam bidang perkhidmatan iaitu sektor pengangkutan bersepadu yang menggabungkan kemudahan pengangkutan udara, laut dan darat, yang akan menjadikan Malaysia satu pusat logistik kargo bersepadu di rantau kita ini," katanya.

Menurutnya dengan pelaburan dalam ketiga-tiga bidang itu, ekonomi Johor sendiri akan menempa pertumbuhan yang lebih kuat lagi pada 2003 dan sekaligus menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara.

"Sempena pelaburan-pelaburan besar yang sedang dilaksanakan di Johor dalam tempoh 2003 hingga 2005, kita boleh menyumbang ke arah mempertahankan kadar pertumbuhan tak kurang enam peratus untuk tempoh itu," katanya.

Abdul Ghani berkata keyakinan Dr Mahathir terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan tahun depan disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dalam negara walaupun ekonomi dunia tidak menentu lebih-lebih lagi dengan kemungkinan berlakunya perang di Asia Barat.

"Asas-asas domestik ini boleh memastikan adanya ketahanan kita untuk meneruskan pertumbuhan... sama ada langkah kerajaan melalui dasar belanjawan atau daripada wujudnya kekuatan sumber perbelanjaan rakyat Malaysia dan juga pelaburan sektor swasta daripada sumber domestik," katanya.

Beliau percaya pencapaian pertumbuhan 5.6 peratus dalam suku ketiga 2002 bukan sahaja dapat dipertahankan malah dilonjakkan lagi dalam tahun 2003 ke tahap enam peratus.

Rumah Terbuka Aidil Fitri di kediaman Abdul Ghani dihadiri beribu-ribu penduduk pelbagai kaum yang tidak melepaskan peluang bersalaman dengan Menteri Besar dan isteri selain mengambil kesempatan bergambar kenangan.

-- BERNAMA
MNY NAK